

Profesionalisme Seniman yang Berkarisma: Rahim Omar

Ku Nurfadhlin binti Ku Amirudin^{1,*}, Aisyah Afiah binti Mustaffa², Siti Aishah Mokhtar^{3*}, dan Fatin Nur Zulkipli⁴

¹ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan ; kunurfadhlin@gmail.com

² Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; aisyahfeqah@gmail.com

³ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  0009-0005-8916-0856

⁴ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

* Correspondence: aishah835@uitm.edu.my; +0133869763.

Abstrak: Artikel ini bertujuan meneliti perjalanan kerjaya dan pencapaian Rahim bin Omar, seorang pelakon Malaysia yang masih aktif dalam industri hiburan. Masalah penyelidikan fokus kepada kurangnya dokumentasi akademik berkaitan sumbangan artis tempatan dalam bidang seni persembahan, khususnya pelakon yang berperanan penting tetapi kurang diberikan perhatian dalam wacana ilmiah. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah kualitatif dengan temu bual berstruktur bersama Rahim bin Omar. Kajian ini dijalankan secara dalam talian melalui platform Google Meet pada 7 Julai 2022, dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang. Hasil temu bual menunjukkan bahawa Rahim telah memulakan kerjaya lakonannya sejak tahun 1993 dan kekal aktif sehingga kini. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah membintangi pelbagai drama dan filem, di samping menerima pengiktirafan melalui pencalonan Anugerah Skrin TV3 (ASK) 2017 dalam kategori Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik Drama/Telefilem menerusi karya Kapcai Ayah. Walaupun anugerah tersebut dimenangi oleh Remy Ishak, pencalonan itu membuktikan keberadaan Rahim sebagai pelakon berbakat yang diiktiraf industri. Selain itu, dapatan turut menunjukkan filem pertama beliau ialah Mat Desa, yang menjadi titik tolak kepada perjalanan kariernya dalam dunia lakonan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa Rahim bin Omar bukan sahaja berjaya mengekalkan kesinambungan dalam kerjaya seni lebih daripada dua dekad, tetapi juga menyumbang kepada kepelbagaian watak dan naratif dalam industri hiburan Malaysia. Penyelidikan ini menegaskan kepentingan mendokumentasikan pengalaman artis tempatan sebagai sebahagian daripada khazanah seni dan sejarah budaya negara.

Kata kunci: Rahim Omar, Industri Seni Hiburan, Drama, Pelakon Malaysia, dokumentasi artis tempatan, Anugerah Skrin TV3

DOI: 10.64382/sness190



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Dalam konteks budaya dan seni Malaysia, seniman veteran merujuk kepada individu yang telah lama berkecimpung dalam dunia seni seperti lakonan, muzik, tarian atau seni persembahan lain. Biasanya, mereka memegang peranan penting dalam memupuk kesinambungan nilai budaya masyarakat. Istilah Seni Warisan pula menggambarkan status penghormatan khas kepada tokoh seni yang diiktiraf sebagai penjaga warisan budaya negara.

Pendokumentasian kisah hidup dan sumbangan tokoh seni veteran amat penting, kerana ia berfungsi sebagai arkib hidup warisan budaya yang sukar ditiru. Abdullah (2022) menekankan bahawa

dokumentasi seni persembahan sebagai warisan budaya tidak ketara adalah penting untuk mengekalkan nilai sejarah dan pengetahuan bagi generasi akan datang. Ismail et al. (2023) dalam kajian mereka mengenai pengaruh warisan budaya lokal dalam seni visual kontemporari menyatakan pendekatan kualitatif memberikan pemahaman mendalam terhadap simbolisme dan transformasi warisan budaya dalam karya seni moden. Dalam kerangka tempatan pula, Yuszaidy (2017) membincangkan bagaimana Akta Warisan Kebangsaan 2005 memainkan peranan penting dalam pemuliharaan tokoh seni persembahan tradisional sebagai warisan hidup, memberikan perlindungan kepada generasi warisan budaya yang semakin terhakis.

Kajian ini bertujuan membongkar pengalaman dan sumbangan seorang tokoh seni veteran melalui temu bual berstruktur. Data diperoleh melalui rakaman penuh ketika sesi temubual bersama responden, kemudian ditranskripsikan untuk analisis mendalam. Penyelidikan ini dilaksanakan oleh dua pelajar sebagai penyelidik. Hasil kajian yang diperolehi ialah data mengenai latar belakang keluarga, perancangan kerjaya, strategi kejayaan, serta pandangan responden terhadap pemuliharaan seni tradisi.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini berhadapan dengan isu utama iaitu keperluan untuk mengenali dan mendokumentasikan pengalaman hidup seniman veteran serta seni warisan yang mereka wakili. Walaupun maklumat tentang tokoh seni dapat diperoleh melalui pelbagai medium seperti media massa dan media sosial, namun kandungan tersebut sering kali bercampur dengan maklumat yang tidak sahih, tidak lengkap, atau kurang terkini. Hal ini seiring dengan dapatan Wardle dan Derakhshan (2017) yang menyatakan bahawa ledakan maklumat dalam talian turut meningkatkan risiko penyebaran maklumat palsu dan mengelirukan. Situasi ini mewujudkan cabaran dalam memperoleh data yang benar-benar tepat bagi tujuan penyelidikan akademik.

Masalah ketidakpastian maklumat ini menimbulkan keperluan untuk mendapatkan sumber primer yang lebih boleh dipercayai. Dalam kajian warisan budaya, temu bual bersama tokoh adalah pendekatan yang sahih untuk memperoleh maklumat langsung mengenai latar belakang, pengalaman kerjaya, serta sumbangan mereka (Yuszaidy, 2017). Proses temu bual, sama ada secara bersemuka atau dalam talian, membolehkan penyelidik mendapatkan data langsung daripada responden, sekaligus mengurangkan risiko penyelewengan fakta.

Permasalahan ini seterusnya menegaskan kepentingan penyelidik menggunakan maklumat yang tepat, sahih, dan terkini dalam usaha mendokumentasikan perjalanan hidup serta warisan seni tokoh veteran. Dengan pendekatan ini, kajian dapat menjana kefahaman yang lebih mendalam, logik, dan boleh diterima sebagai rujukan akademik dan warisan budaya pada masa hadapan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif kajian yang dirumuskan bagi membantu penyelidik meneliti penglibatan tokoh dalam industri hiburan serta memperoleh maklumat yang relevan melalui sesi temu bual bersama tokoh.

1. Untuk meneliti penglibatan Rahim Omar dalam industri seni hiburan sepanjang kerjayanya.
2. Untuk mengenal pasti pencapaian dan sumbangan Rahim Omar dalam bidang seni hiburan serta memperkukuh data yang diperoleh melalui temu bual.

3. Untuk mengkaji secara mendalam nilai dan pengajaran yang dapat diperoleh daripada pengalaman Rahim Omar berdasarkan temu bual yang dijalankan.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif yang telah digariskan, beberapa persoalan kajian dirumuskan bagi memperoleh maklumat yang lebih mendalam dan terperinci, iaitu:

1. Bagaimanakah bentuk penglibatan Rahim Omar dalam industri seni hiburan sepanjang kerjayanya?
2. Apakah pencapaian dan sumbangan utama Rahim Omar dalam bidang seni hiburan?
3. Apakah nilai dan pengajaran yang dapat diperoleh daripada pengalaman Rahim Omar berdasarkan temu bual yang dijalankan?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Penyelidikan ini memberi beberapa impak penting, khususnya dalam usaha memahami dengan lebih mendalam peranan seorang tokoh seniman veteran serta sumbangannya terhadap seni warisan. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini bukan sahaja sahih dan tepat, malah boleh dijadikan rujukan oleh pelbagai pihak. Hal ini penting kerana kebanyakan maklumat yang diperoleh melalui laman sesawang bersifat tidak lengkap atau kurang tepat.

Kajian ini juga memberi faedah yang signifikan kepada organisasi, masyarakat, negara, agensi berkaitan, serta perkembangan ilmu dalam bidang seni dan budaya. Misalnya, masyarakat dapat mengenali latar belakang sebenar tokoh yang dikaji, manakala temu bual yang dijalankan membolehkan penyelidik merekodkan maklumat sejarah lisan yang lebih autentik dan relevan.

Selain itu, hasil penyelidikan ini dapat menyumbang kepada pengukuhan sumber rujukan sejarah lisan yang lebih terjamin ketepatannya berbanding sumber tidak rasmi dalam talian. Kesukaran yang dialami penyelidik sebelum temu bual dijalankan membuktikan betapa pentingnya kaedah ini dalam mendapatkan maklumat yang benar-benar sahih.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa sejarah lisan merupakan elemen penting dalam mendokumentasikan penglibatan, pencapaian, dan pengorbanan tokoh seni, sekali gus memberikan nilai ilmiah dan warisan kepada generasi akan datang dengan maklumat yang betul.

6. TINJAUAN LITERATUR

Era filem Malaysia bermula di Singapura dengan penubuhan Studio Jalan Ampas dan diteruskan di Kuala Lumpur dengan penubuhan Studio Filem Merdeka. Kematangan industri filem negara pada tahun 1990 menandakan permulaan era filem aliran baharu bila mana kematangan itu diukur dari segi penglibatan warganegara tempatan dan juga pelbagai pihak sebagai penerbit, pengarah dan tenaga kreatif, serta pembikinan filem-filem nasional dengan pelbagai bahasa etnik di Malaysia (Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2020). Menurut kajian daripada Ismaliza Ishak (2015), drama sering dihubungkan dengan teater dan hal ini telah menimbulkan beberapa kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Pada dasarnya kedua-dua perkataan ini adalah saling berkait antara satu dengan lain. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan dari sudut penekanan

fungsinya. Drama lebih menegaskan aspek naskhah dan unsur-unsur kesusasteraan, sementara teater pula lebih menumpukan aspek teknik pementasan.

Pelakon dan lakonan merupakan dua perkara yang berkait dan semestinya tidak dapat dipisahkan. Setiap isu berkaitan sesebuah drama atau filem pastinya akan dikaitkan dengan lakonan dan pelakon yang terlibat membawa watak di dalam drama tersebut. Keberkesanan setiap lakonan itu adalah dipengaruhi oleh watak dan karakter yang dibawa oleh pelakon. Seseorang pelakon dapat menyampaikan peranannya dalam sesebuah produksi dan semestinya lakonan itu berkait rapat dengan teknik atau kebolehan yang disampaikan oleh seseorang pelakon itu. Keberkesanan setiap lakonan juga dapat dilihat bilamana seseorang pelakon memainkan watak daripada hati (Normiha Suraya, 2019).

Menurut Nizila (2007), pelakon merupakan salah seorang individu yang melakukan aksi di atas pentas dimana ianya ditonton oleh individu lain sebagai penonton. Pelakon juga didefinisikan sebagai orang yang berlakon dalam drama samada sandiwara, filem dan sebagainya (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2016). Dapat dijelaskan disini bahawa istilah pelakon itu merujuk kepada pelaku, iaitu manusia atau seseorang individu yang melakonkan atau membawa sesuatu watak atau karakter yang menjadi tontonan umum.

Menjadi seorang anak seni yang dikenali membuatkan seorang pelakon tidak akan terlepas daripada penilaian dan kritikan daripada penonton bila mana setiap apa yang dilakukan di atas pentas menjadi bualan penonton dan peminat. Pelakon yang bagus dan berbakat mampu membuatkan setiap pementasan menjadi hidup dan menarik meskipun terdapat beberapa kepincangan daripada sudut lain. Peranan pelakon itu sendiri dilihat penting untuk memberi persembahan yang menarik kepada penonton. Seperti dinyatakan oleh Suyatna Anirun (1998), seorang pelakon bertanggungjawab membawakan watak dan memastikan sesuatu drama itu kelihatan hidup. Proses latihan adalah diperlukan untuk menghidupkan sesuatu watak dimana pelakon harus menampilkan dan mempamerkan karakter mewakili watak tersebut.

Lakonan yang hidup adalah hasil pengamatan yang mendalam dan teliti daripada seorang pelakon mengenai wataknya Rendra (2013). Penjiwaan didalam lakonan setiap pelakon adalah hasil dari pengamatan ini mampu menghasilkan kualiti lakonan yang memberi kesan kepada penonton. Hal ini kerana pengamatan yang dimaksudkan adalah penjiwaan pelakon mengenai wataknya menerusi konsentrasi yang diperoleh menerusi pemahaman pelakon yang tercipta melalui pembinaan latar belakang cerita, perwatakan watak yang kukuh, pengaruh minda dan perasaan serta kemampuan pelakon untuk mendengar dan memerhati rakan lakonnya di dalam babak tersebut.

Seterusnya, hasil kajian daripada Shokeri Hassan (2003), penghasilan tulisan kritikan drama adalah dipengaruhi oleh genre drama yang kurang mendapat sambutan bukan sahaja dari kalangan pengkritik malah pengkarya dan juga khalayak sastera. Shokeri menyatakan bahawa pada abad tersebut, hanya terdapat beberapa buah drama yang bermutu sahaja dan hal ini mendatangkan kesukaran bagi pengkaji kritikan drama untuk memberikan kritikan drama yang bermutu. Tidak dapat dinafikan bahawa sesebuah kritikan drama yang bermutu mempengaruhi penghasilan drama yang bermutu juga.

Dengan ini, ia dapat dikaitkan dengan kajian tokoh iaitu Tuan Rahim Bin Omar yang merupakan pelakon yang masih lagi bergiat aktif dalam bidang lakonan. Justeru itu, ia dapat membuktikan bahawa tokoh yang dipilih ini merupakan seorang pelakon veteran yang mempunyai bakat dan potensi yang sentiasa konsisten dan stabil dalam menjayakan setiap lakonan yang dilakonkan. Secara umumnya, kajian ini telah memilih tokoh Rahim Bin Omar kerana beliau

merupakan pelakon yang masih bergiat aktif sehingga kini. Di samping itu, kajian ini dilihat dapat memberikan pendedahan yang lebih jelas dan terperinci tentang perjalanan seni seorang pelakon dalam melalui setiap proses atau pengalaman yang dapat meningkatkan setiap kualiti kerjayanya menerusi pembangunan industri seni dan hiburan di Malaysia. Justeru, kajian ini juga dapat diperolehi menerusi pendedahan terhadap unsur atau elemen yang akan dibincangkan oleh tokoh yang akan di temubual terhadap proses seniman veteran dan warisan di Malaysia.

7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah lisan melalui temu bual secara atas talian bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengalaman dan pandangan tokoh seni veteran. Kaedah ini dipilih kerana boleh merekodkan memori, pengalaman serta interpretasi individu secara tepat, di samping memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai latar sosial dan sumbangan tokoh terhadap bidang seni (Rozeman, 2004).

Peserta kajian ialah Tuan Rahim bin Omar, seorang seniman veteran yang aktif sejak tahun 1980 dan masih bergiat dalam industri hiburan. Pemilihan beliau dibuat berdasarkan pencapaian, kepakaran, serta sumbangan bernilai terhadap perkembangan seni dan warisan budaya negara. Temu bual berfokus pada aspek latar belakang, pengalaman kerjaya, pencapaian, serta pandangan beliau mengenai kejayaan dalam industri hiburan.


Dari segi prosedur, kajian menggunakan kaedah bercampur (mixed method) yang menggabungkan soal selidik (kuantitatif) dan temu bual mendalam (kualitatif) untuk memperoleh data yang komprehensif. Temu bual dijalankan secara dalam talian melalui *Google Meet* dengan rakaman video dan audio sebagai dokumen sokongan. Rakaman tersebut kemudian ditranskrip dan disemak bagi memastikan ketepatan serta kebolehpercayaan data sebelum dianalisis.

8. HASIL KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan yang diperolehi melalui temu bual bersama tokoh seniman veteran iaitu Tuan Rahim Omar. Hasil temu bual membolehkan penyelidik menelusuri pengalaman serta penglibatan beliau yang telah lama berkecimpung dalam industri seni hiburan tanah air. Perbincangan ini juga dirangka untuk menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan bentuk penglibatan Rahim Omar dalam industri seni, pencapaian dan sumbangan beliau sepanjang kerjaya, serta nilai dan pengajaran yang dapat dijadikan rujukan daripada pengalaman tokoh tersebut.

8.1 *Penglibatan Rahim Omar dalam Bidang Industri Seni Hiburan*

Tokoh kajian ini, Tuan Rahim Bin Omar, berasal dari Singapura dan merupakan seorang seniman veteran yang masih aktif dalam industri hiburan sebagai pelakon. Penglibatan beliau dalam bidang seni bermula pada awal 1980-an melalui peluang yang diberikan oleh seorang penulis skrip yang sedang mencari bakat baharu. Hasil uji bakat tersebut, beliau terpilih membawakan watak utama dalam drama telefilem *Mat Desa Pahlawan Melayu*. Peranan ini menjadi titik permulaan penting dalam kerjaya beliau dan membuka ruang untuk mengembangkan bakat lakonan yang dimiliki. Sejak itu, Rahim Omar telah mengekalkan konsistensi dalam kerjaya lakonan, sekali gus membuktikan dedikasi dan minat mendalam beliau terhadap bidang seni. Pengalaman lebih empat dekad dalam industri hiburan bukan sahaja mencerminkan kejayaan peribadi, malah turut menyumbang kepada perkembangan seni lakon tanah air. Minat yang berakar sejak usia muda menjadi pendorong utama kepada kesungguhan beliau untuk terus berkarya dan mengekalkan relevansi dalam industri.



Gambar 2: Drama telefilem Pertama Rahim Omar, Mat Desa Pahlawan Melayu

Sepanjang penglibatannya dalam industri seni, Rahim Omar telah membawakan pelbagai watak merentasi drama dan filem, termasuk peranan sebagai bapa, datuk, individu berpengaruh, serta watak aksi seperti polis, inspektor dan gangster dalam karya seperti *Operasi X*, *Black*, *Don*, *KL Gangster: Underworld 2* dan *Gerak Khas Undercover: Kabut Malam*. Menurut beliau, watak aksi memerlukan persediaan fizikal dan emosi yang berbeza berbanding drama biasa; contohnya dalam *KL Gangster: Underworld 2*, beliau memegang watak AGUS, Ketua Geng Salak South, yang menuntut komitmen intensif hampir sebulan. Rahim Omar menegaskan bahawa beliau tidak menghadapi kesukaran membawa watak sedemikian, malah menganggapnya sebagai peluang penting untuk mengasah bakat, meningkatkan profesionalisme, dan mengekalkan relevansi dalam industri hiburan.



Gambar 3: Rahim Omar sebagai ASP Salleh



Gambar 4: Rahim Omar Filem Operasi X



Gambar 5: Rahim Omar dalam drama Black Season 2

8.2 Pencapaian dan Sumbangan Rahim Omar dalam Bidang Industri Seni Hiburan

Sepanjang lebih sedekad penglibatannya dalam industri seni hiburan, Rahim Omar telah memberikan sumbangan signifikan melalui pelbagai drama dan filem yang dibintanginya. Setiap watak yang dilakonkan bukan sahaja memperkukuh pencapaian kerjayanya, tetapi turut menyampaikan mesej bermakna serta nilai pengajaran yang relevan kepada penonton, masyarakat, dan negara. Setiap lakonan Rahim Omar telah membawa kejayaan serta pencapaian yang signifikan dalam kerjayanya, antaranya melalui drama *Nur Kasih* yang pernah meraih sambutan luar biasa daripada penonton. Menurut beliau, penggambaran drama ini mengambil masa enam bulan dan setiap watak yang ditampilkan memberi impak positif kepada masyarakat, termasuk peranan beliau sebagai Imam Abu Bakar. Kejayaan drama ini turut diperkukuh dengan barisan pelakon profesional yang menjayakan watak masing-masing secara berkesan.



Gambar 6: Rahim Omar di Anugerah Skrin 2017

Pada tahun 2017, Rahim Omar telah dicalonkan dalam kategori *Top 5 Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik* bagi drama telefilem *Kapcai Ayah* di Anugerah Skrin TV3. Beliau menyatakan bahawa pencalonan tersebut tidak pernah dijangkakan kerana prinsipnya adalah untuk memberi persembahan terbaik tanpa terlalu mengharapkan pengiktirafan. Bagi beliau, pencalonan itu merupakan satu bentuk rezeki dan bonus hasil daripada usaha berterusan dalam industri hiburan. Walaupun tidak memenangi anugerah, pencalonan tersebut membuktikan kredibiliti dan karisma beliau sebagai seorang seniman yang konsisten serta berkaliber. Telefilem *Kapcai Ayah* juga mendapat sambutan positif daripada penonton, manakala Rahim Omar sendiri mengakui sokongan dan bimbingan rakan sekerja merangkap pengarah, Hasnul Rahmat, turut menyumbang kepada kejayaan pementasan karya tersebut.

8.3 Nilai dan Pengajaran yang diperolehi oleh Rahim Omar

Antara nilai penting yang dapat diperolehi melalui temu bual bersama Rahim Omar ialah penekanannya terhadap kepentingan kejujuran dan ketulenan diri dalam bidang seni lakonan. Beliau menegaskan bahawa kejayaan seorang pelakon tidak boleh hanya berasaskan populariti semata-mata, sebaliknya perlu dibina melalui kesungguhan, disiplin, serta usaha berterusan untuk mengasah bakat. Bagi individu yang benar-benar meminati bidang ini, penguasaan ilmu melalui pembelajaran formal seperti menghadiri kelas lakonan dianggap sebagai langkah asas dalam meningkatkan kecekapan dan kualiti persembahan. Hal ini dapat membentuk ketahanan dalaman, mengukuhkan keyakinan diri, serta mendorong seseorang agar tidak mudah berputus asa. Rahim Omar sendiri menekankan bahawa meskipun beliau telah lama berkecimpung dalam dunia lakonan, proses pembelajaran sentiasa berterusan, khususnya dalam usaha memperbaiki kelemahan diri dan mengambil iktibar daripada setiap kesilapan yang dilalui.

Selain itu, beliau juga berharap agar filem tempatan di Malaysia mengeluarkan hasil filem yang berkualiti setaraf dengan filem luar negara. Pihak yang terlibat harus mengambil langkah yang lebih efektif dan efisien contohnya, bekerjasama dengan pihak tertentu dalam membantu industri seni hiburan ini berkembang lebih pesat lagi. Contohnya, fenomena filem 'Mat Kilau' sekarang yang menjadi topik hangat dan mendapat sambutan hangat daripada ramai penonton. Ia bukan sahaja dapat diangkat di dalam negara malah di luar negara juga.

Nilai dan pengajaran penting yang diketengahkan oleh Rahim Omar merangkumi etika serta disiplin sewaktu memulakan dan menamatkan penggambaran. Beliau menegaskan bahawa setiap

pelakon perlu mengamalkan sifat disiplin, kerajinan, dan kejujuran sebagai prinsip asas dalam kerjaya seni. Prinsip ini telah menjadi pegangan beliau sepanjang penglibatannya dalam industri hiburan, sekali gus mencerminkan profesionalisme, karisma, dan kredibiliti beliau sebagai seorang pelakon berkaliber. Sebagai seniman veteran, Rahim Omar turut menitipkan pesanan kepada generasi baharu agar menghargai setiap karya seni yang dihasilkan, selain membawa niat yang baik dalam membawakan watak. Beliau menekankan bahawa pencapaian dalam bidang seni bukanlah sesuatu yang mudah dicapai, sebaliknya menuntut kesungguhan, komitmen, dan sikap serius, memandangkan kejayaan tidak sentiasa hadir dan peluang tidak datang berulang kali.



Gambar 7: Rahim Omar sewaktu di Pengambaran



Gambar 8: Rahim Omar sewaktu di Pengambaran

9. KESIMPULAN

Kajian ini menyoroti perjalanan karier dan sumbangan seorang seniman veteran sebagai sebahagian daripada usaha mendokumentasikan warisan seni tempatan. Melalui kaedah temubual, penyelidik telah memperoleh maklumat berkaitan latar belakang, pengalaman kerjaya, serta nilai-nilai yang membentuk ketokohan beliau dalam industri seni hiburan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan seorang seniman bukan sahaja bergantung kepada bakat semula jadi, tetapi turut dipengaruhi oleh disiplin, keyakinan diri, dan keupayaan untuk mengekalkan komitmen terhadap bidang yang diceburi. Penyelidikan ini juga menekankan bahawa kejayaan dalam dunia seni tidak dicapai secara mudah, sebaliknya memerlukan fokus, usaha berterusan, serta kesungguhan dalam menempuh cabaran. Justeru, pengalaman dan teladan yang ditunjukkan oleh tokoh ini wajar dijadikan panduan kepada generasi baharu dalam membina kerjaya seni yang berkualiti serta berdaya saing.

Rujukan

- Abdullah, W. N. W. (2022). *Mak Yong's performing art: A collection analysis of Malaysia institutional memory*. ResearchGate.
https://www.researchgate.net/publication/361614507_Mak_Yong%27s_Performing_Art_A_Collection_Analysis_of_Malaysia_Institutional_Memory
- Boleslavsky, R. (1960). *Enam pelajaran pertama bagi calon aktor*. Jakarta: Djaja Sakti.
- Fatimah Muhd Shukri, & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2020). Perkembangan industri filem nasional Malaysia (1933–1989). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 47(2), 126–148.
<http://journalarticle.ukm.my/16864/>
- Ismail, I., Othman, M. R., Hashim Amir, N. M. A., Abdul Hadi, H., & Harun, Z. (2023). Pengaruh warisan budaya lokal dalam karya seni visual kontemporari seniman generasi muda di Malaysia. *KUPAS SENI*, 11(3), 83–90. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.10.2023>
- Ismaliza Ishak. (2015). *Percaya dan merasai kebenaran (pdmk): Strategi kaedah lakonan dalam monodrama dan monolog* (Tesis Ijazah Sarjana). Universiti Sains Malaysia. http://eprints.usm.my/30113/1/final_tisis_cd.pdf
- Marcia, T. D. (2012). *The labor of action for the operation of truth: The phenomenology and dramatic platonism of Meisner technique as refined and extended by William Esper* (Tesis Ijazah Sarjana). University of Missouri.
- Media, J. (2015). *Cabaran industri filem Melayu, pandangan penggiat industri dan penonton* Hizral Tazzif Hisham. Universiti Malaya. [http://studentsrepo.um.edu.my/6569/1/HIZRAL_TAZZIF_HISHAM_\(AHA050028\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/6569/1/HIZRAL_TAZZIF_HISHAM_(AHA050028).pdf)
- Nizila Bte, A. (2007). *Pendekatan pelakon dalam lontaran vokal dan ekspresi wajah watak lakonan monolog* (Tesis Ijazah Sarjana Muda). Universiti Malaysia Sarawak.
- Normiha Suraya, I. (2019, July 1). Aplikasi teknik “repetition exercise” oleh Sanford Meisner dalam lakonan: Analisis terhadap lakonan watak utama - Pey arghh! / Normiha Suraya Ibrahim. *Studentsrepo.um.edu.my*. <http://studentsrepo.um.edu.my/10798/>
- Rendra. (2013). *Seni drama untuk remaja*. Bandung: Pustaka Jaya.
- Rozeman Abu Hassan. (2004). *Mengenal dan mentafsir sumber-sumber sejarah* (pp. 148–191). Shah Alam: Karisma Publications.
- Shokeri Hassan. (2003). *Perkembangan teori dan pendekatan kritikan dalam kesusasteraan Melayu dekad 80-an dan 90-an* (Tesis Sarjana). Universiti Putra Malaysia.
- Suyatna Anirun. (1998). *Menjadi aktor: Pengantar kepada seni peran untuk pentas dan sinema*. Bandung: Studiklub Teater Bandung.
- Wardle, C., & Derakhshan, H. (2017). *Information disorder: Toward an interdisciplinary framework for research and policy making*. Council of Europe. <https://rm.coe.int/information-disorder-toward-an-interdisciplinary-framework-for-research/168076277c>
- Yuszaidy, M. Y. M. (2017). Pemuliharaan tokoh orang hidup daripada perspektif Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). *Budaya dan Warisan Alam Melayu*. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.